

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

SPRM mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

| PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK PERKHIDMATAN | | |
|---------------------------------------|--|--|
| Jawatan | : Jawatan Terbuka Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44 | Jawatan Terbuka Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48 |
| Taraf jawatan | : Kontrak (<i>Contract of Service</i>) | Kontrak (<i>Contract of Service</i>) |
| Gaji (termasuk elaun) | : RM4,651.00 Minima | RM6,667.00 Minima |
| Penempatan | : Bahagian Komunikasi Strategik Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya (2 kekosongan) | Bahagian Komunikasi Strategik Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya (2 kekosongan) |

DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab merancang, menganalisis isu semasa berkaitan rasuah dan imej SPRM, mempromosi dasar dan program SPRM serta memantau isu berkenaan di media cetak, media elektronik dan media sosial.
2. Bertanggungjawab menyediakan saluran penyampaian maklumat dan komunikasi yang efektif di peringkat SPRM, nasional dan antarabangsa.
3. Merancang dan membangunkan kandungan kreatif untuk penerbitan konvensional dan digital.
4. Membina hubungan bersama pihak media dan *influencer* media.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan :
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang komunikasi massa atau dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang komunikasi massa atau dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) Ijazah Sarjana dalam bidang komunikasi massa atau dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Memiliki pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan iaitu :
 - (i) minima 5 tahun (untuk Jawatan Terbuka Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 44); atau
 - (ii) minima 10 tahun (untuk Jawatan Terbuka Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48);
5. Memiliki **kepujian** sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
6. Lengkap dos vaksinasi Covid-19.

Keutamaan :

1. Mahir dalam menguruskan dan menyediakan kandungan untuk media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris dan bahasa ketiga (Bahasa Mandarin atau Bahasa Tamil) yang baik adalah satu kelebihan.

CARA MEMOHON

1. Sila imbas kod QR atau klik pautan <https://forms.gle/FfUb69GAYCD3CkFa9> bagi tujuan permohonan jawatan kontrak ini.
2. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.



PERHATIAN:

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan : 25 NOVEMBER 2022 (JUMAAT) sebelum jam 12.00 tengah hari